

20 JAN 1998

Anwar-kadar

ANWAR: ADA KEMUNGKINAN KADAR FAEDAH DINAIKKAN

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Terdapat kemungkinan yang kadar faedah akan dinaikkan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Bagaimanapun, Anwar yang juga Menteri Kewangan tidak menyatakan bilakah ini akan berlaku.

Terpulang kepada Bank Negara untuk menentukan dasar kadar faedah, katanya selepas majlis dialog mengenai urusan pembiayaan untuk sektor produktif.

"Pilihan masih terbuka dan kita terpaksa menerima hakikat bahawa dasar kadar faedah adalah satu dasar yang perlu bagi menentukan keberkesanan urusan kewangan," kata Anwar.

Beliau berkata kadar faedah semakin meningkat dengan ketara sejak beberapa bulan kebelakangan, dan bank pusat boleh mengurangkan ataupun menaikkan kadar faedah.

Pergerakan kadar faedah, kata beliau, tidak boleh dilihat secara berasingan dan perkembangan serantau perlulah diambil kira juga.

Bagaimanapun, Anwar berkata : "Kita telah menyaksikan kadar faedah meningkat secara beransur-ansur dan saya berpendapat dasar sekarang pastinya terkawal.

"Saya fikir pilihannya kekal, kita tidak menyarankan bahawa kita menghadkan kadar faedah ke tahap yang ada sekarang," katanya.

Bank Negara turut mengambil kira keperluan untuk mengawasi dasar kewangan secara berkesan, kata beliau.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mencadangkan agar Malaysia menaikkan kadar faedahnya untuk membendung pertumbuhan berlebihan terhadap kredit.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata bahawa kerajaan akan menimbangkan cadangan itu. -- BERNAMA

RAZ MA MAI